



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/10/73 (HQ)

TNB DAN MBS BEKERJASAMA KURANGKAN JEJAK KARBON

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi syarikat retail tenaga boleh diperbaharuinya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) memeterai perjanjian dengan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) untuk pemasangan panel solar di bumbung pejabat MBS.

Di bawah Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE), MBS dijangka dapat menjimatkan RM3.2 juta bil elektrik sepanjang kontrak 21 tahun. Projek pemasangan dengan kapasiti 720 kilowatt peak (kWp) itu dijangka siap April 2021.

Menerusi projek itu, sejumlah 919,800 kWh tenaga hijau yang dijangka dijana pada tahun pertama mampu mengimbangi pelepasan karbon hasil pembakaran 385 tan metrik arang batu setahun, atau penyerapan karbon dioksida oleh hutan seluas 849 ekar setahun.

Perjanjian ditandatangani oleh Datuk Bandar MBS, Dato' Zazali Salehudin dan Pengarah Urusan GSPARX, Elmi Fairul Mashuri di Seremban, semalam. Majlis disaksikan Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun.

Dengan perjanjian itu, MBS menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ketiga selepas Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang menggunakan kepakaran GSPARX dalam pemasangan dan operasi panel solar bumbung.

Melalui GSPARX, TNB telah menjalin kerjasama dengan entiti seperti majlis bandaraya dan syarikat untuk membolehkan lebih ramai pengguna elektrik menjadi pengeluar swaguna (*prosumer*).

Terbaru, pada 24 September 2020, Malaysia Airlines Berhad (MAB) menandatangani perjanjian dengan GSPARX untuk pemasangan panel solar berkapasiti 2.210 MWp pada empat bangunannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sehingga kini, di bawah skim panel solar fotovoltaik (PV), Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) dan kegunaan kendiri (self-consumption; SELCO) yang dilaksanakan kerajaan, kira-kira 310 pelanggan memeterai perjanjian dengan GSPARX menerusi SARE dan pembelian terus untuk menjana kira-kira 54 MWp tenaga hijau.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Oktober 2020, jam 3:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang terbentuk pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat dan organisasi bagi menawarkan kepentingannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui di Malaysia yang kurang diterokai.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan komersial dan industri kini boleh menjana tenaga solar bersih pada bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>.



Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Dato' Zazali Salehudin (duduk, kiri) dan Pengarah Urusan GSPARX, Elmi Fairul Mashuri (duduk, kanan) menandatangani Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) untuk pemasangan panel solar di bumbung pejabat MBS yang dijangka menjimatkan RM3.2 juta bil elektrik sepanjang kontrak 21 tahun.

Turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun (berdiri, tengah); Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Dr. Razali Ab Malik (berdiri, kiri) dan Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Negeri Sembilan, Mahamad Farizan Mahamad (berdiri, kanan).